

Harga melambung di negara jiran jadi pilihan sindiket

# Sarawak lokasi pilihan transit dadah

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**KUALA LUMPUR** – Kedudukan geografi yang bersempadan dengan negara jiran dan harga pasaran syabu tiga kali ganda berbanding di Malaysia merupakan faktor utama Sarawak dijadikan lokasi transit dadah.

Sindiket yang dipercayai didalangi warga tempatan itu menggunakan pelbagai helah merekrut golongan muda termasuk pelajar untuk dijadikan keldai dadah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Ramli Din berkata, trend penyeludupan dadah ke Sarawak dari semenanjung meningkat selepas pihaknya melakukan Ops Nutcracker pada awal Julai lalu.

Risikan mendapati wujud aktiviti merekrut keldai dadah untuk memastikan bekalan barang haram itu dapat diseludup ke negara jiran selain untuk bekalan penduduk di Sarawak.

"Selain itu, harga pasaran sya-



RAMLI

bu tiga kali ganda di negara jiran menyebabkan barang itu mendapat permintaan tinggi. Oleh itu Sarawak adalah lokasi transit yang strategik.

"Siasatan mendapati seorang keldai dadah menerima upah sebanyak RM5,000 hingga RM8,000 bagi satu penghantaran," katanya ketika dihubungi Kosmo!.

Pada Julai lalu, polis melum-



**KEDUDUKAN Sarawak bersebelahan dengan negara jiran menjadikan negeri itu sebagai pilihan transit oleh sindiket dadah.**

puhkan dua sindiket dadah yang aktif di Sarawak dengan penahanan 14 suspek termasuk pegawai polis berpangkat Asisten Superintendant dan Sub Inspektor dalam Ops Nutcracker.

Pelbagai jenis dadah seberat 182 kilogram bernilai RM10 juta

dirampas dalam operasi itu.

Dua pegawai yang bertugas di Sarawak itu dipercayai bersekongkol dengan sindiket dadah berkenaan.

Mengulas lanjut, Ramli berkata, kebanyakan dadah diseludup ke Sarawak menggunakan pe-

## Tangkapan kes seludup dadah ke Sarawak

- 29 Julai 2020 - Seorang lelaki disyaki keldai dadah ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) bersama 10 bungkus diperlau Methamphetamine seberat 10.1 kg.
- 30 Julai 2020 - Pihak berkuasa menahan seorang lelaki di LTAK selepas pihak berkuasa menemui enam bungkus menggunakan kertas hadiah diperlau berisi dadah bernilai RM324,800.
- 24 Julai 2020 - Dua lelaki termasuk seorang pelajar diperlau keldai dadah dari Sarawak ditahan ketika cuba menyeludup dadah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

ngangkutan udara.

"Pihak polis sudah mengetahui pemantauan di lapangan terbang seluruh negara terutamanya penerbangan ke Sarawak dan Sabah bagi mematahkan kegiatan penyeludupan dadah," kata beliau.